

TARIKH: 12/1/23
SURAT KHABAR: Berita Harian
MUKA SURAT: 2

Hampir 150,000 suri rumah sudah carum SKSSR PERKESO

Kuala Lumpur: Hampir 150,000 suri rumah sudah mencarum dalam Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), setakat hujung bulan lalu.

Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar, berkata sejak SKSSR dilaksanakan 1 Disember tahun lalu hingga 31 Januari lalu, 141,144 suri rumah sudah mencarum di bawah skim itu, yang memberi perlindungan bencana domestik dan keilatan kepada golongan berkenaan.

Daripada jumlah itu, katanya, 135,281 adalah suri rumah yang berdaftar dengan e-Kasih dan mencarum dengan i-Suri Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), yang mana caruman SKSSR ditaja kerajaan selama setahun menerusi peruntukan Bajet 2022.

Beliau berkata, jumlah itu dilihat sebagai perkembangan positif dan selaras dengan matlamat Kementerian Sumber + Manusia (KSM) dan PERKESO, yang menyasar sekurang-kurangnya 500,000 daripada kira-kira tiga juta suri rumah di negara ini mencarum dengan SKSSR tahun ini.

“Pandemik COVID-19 yang melanda negara tiga tahun lalu memperlihatkan betapa pentingnya sektor *care economy*, dalam konteks penjagaan ahli masyarakat dan komuniti apabila negara berdepan krisis kesihatan dan kontigensi hal domestik.

“Golongan suri rumah dan pekerja domestik meliputi sebahagian besar individu yang terabit dalam sektor *care economy* tidak berbayar, yang berdepan risiko tiada perlindungan keselamatan sosial atau bantuan kerajaan kerana berada di luar sektor formal pekerjaan.

“Sehubungan itu, KSM menerusi PERKESO memperkenalkan SKSSR di bawah Akta Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022 bagi menyediakan perlindungan bencana domestik dan perlindungan keilatan kepada lebih tiga juta suri rumah,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pelancaran Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah dan Karnival Kerjaya MYFutureJobs 2023 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), semalam.

Sementara itu, Sivakumar berkata, lebih 33 peratus pencari kerja yang berdaftar dengan portal pekerjaan MyFutureJobs kendalian PERKESO, berjaya mendapat pekerjaan yang dipohon.